

Cemas diseret kereta dipandu penagih dadah

17 Mei 2022



KERETA yang dipandu suspek remuk selepas merempuh tiang lampu di Putrajaya.

Cemas diseret kereta dipandu penagih dadah

Putrajaya: Seorang remaja lelaki berdepan detik cemas apabila motosikal ditunggang diseret sebuah kereta dipandu penagih dadah hingga terbabas dan melanggar tiang lampu.

Ketua Polis Daerah (IPD) Putrajaya, Asisten Komisyoner A Asmadi Abdul Aziz berkata, kejadian jam 3 petang semalam berlaku di persimpangan lampu isyarat Jalan Persiaran Perdana/Lebuhraya Kajang di sini.

Menurutnya, siasatan awal mendapati pemandu kereta lelaki berusia 29 tahun memandu dari arah Presint 2 menuju pulang ke rumahnya di Sungai Jarom, Selangor.

Katanya, ketika kejadian kereta itu dipandu di lorong tengah sebelum merempuh motosikal ditunggang remaja berusia 19 tahun.

"Siasatan mendapati mangsa menunggang motosikal dari Projek Peruma-

han Awam (Malaysia) (PPAM) Lalai, Presint 6, menuju ke tempat kerja di stesen Petronas Presint 16," katanya, semalam.

Asmadi berkata, hasil siasatan mendapati pemandu kereta memandu kenderaan dalam pengaruh dadah dan hasil ujian air kencing mendapati suspek positif dadah jenis methamphetamine dan amphetamine.

Di samping itu, katanya, pemandu kereta tidak mengalami sebarang kecederaan manakala pemandu motosikal mengalami kecederaan di bahagian kepala dan dihantar ke Hospital Putrajaya untuk rawatan lanjut.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 44 (1)(a) Akta pengangkutan Jalan Raya (APJ) 1987 dan orang ramai yang maklumat berhubung kejadian itu boleh menghubungi IPD Putrajaya," katanya.